

Hukum memberi pinjam boleh termasuk dalam perbuatan diharamkan sekiranya meminjamkan barang-barang untuk digunakan kepada perkara maksiat ...

Saya Pinjam atau Saya Hutang?

Dalam perbincangan yang lepas, kita telah jelaskan hukum pinjam guna barang (*al-'ariyyah*) dan pinjaman wang (*al-qardh*) secara ringkas. Disebabkan bahasa Melayu menggunakan istilah pinjaman bagi kedua-dua kontrak, saya perlu menjelaskan lebih lanjut perbezaan antara kedua-duanya.



Apa maksud sebenar *al-qardh* dan *al-'ariyyah*?

Kata kunci utama pinjaman barang (*al-'ariyyah*) adalah menggunakan sesuatu barang (tanpa melupuskannya) dan dipulangkan kembali barang tersebut. Manakala pinjaman *al-qardh* ialah pinjaman yang melupuskan barang tersebut dan diganti dengan barang *al-mitsli* (seumpamanya) atau *al-qimi* (senilai dengannya).

Makna *al-'ariyyah* atau *al-i'arah* ialah memberikan penggunaan sesuatu barang tanpa memberikan pemilikan. Peminjam hanya menggunakan barang tersebut dan memulangkannya kembali pada bila-bila masa, atau setelah selesai menggunakannya, contohnya meminjam kereta.

Ulama mendefinisikannya sebagai memberi keharusan penggunaan untuk penggunaan yang diharuskan beserta kekal kewujudan barang tersebut. Tidak ada hukum ribawi pada urusan memberi pinjaman penggunaan barang (*al-'ariyyah*) sebegini.



Apakah dalil pensyariatian memberi pinjam penggunaan barang-barang milik kita?

Memberi pinjam barang adalah perkara yang

disyariatkan oleh agama kita. Dalam surah al-Ma'un, ayat 4-6, Allah ﷻ berfirman: "*Maka Neraka Wail terhadap orang-orang yang solat, iaitu mereka yang lalai ketika bersolat; mereka yang menunjuk-nunjuk; dan melarang pemberian bantuan (memberikan pinjam barang).*"

Hadis Nabi ﷺ yang diriwayatkan oleh Anas r.a. sebagaimana riwayat al-Bukhari: "*Sesungguhnya Nabi ﷺ meminjam seekor kuda daripada Abi Talhah dan menunggangnya.*"

Berdasarkan dalil-dalil di atas, jelas menunjukkan pensyariatian memberikan pinjam barang kepada seseorang yang lain.



Apakah hukumnya memberikan pinjam barang kepada seseorang?

Hukum asal memberikan pinjam barang adalah **sunat** berdasarkan dalil-dalil

di atas. Walaupun begitu, ia menjadi **wajib** sekiranya pemberian pinjaman boleh menyelamatkan nyawa seseorang seperti meminjamkan tali untuk menyelamatkan nyawa seseorang yang hampir lemas, atau meminjamkan baju untuk mengelakkan kesejukan yang boleh membawa mudarat.

Hukum memberi pinjam boleh termasuk dalam perbuatan **diharamkan** sekiranya meminjamkan barang-barang untuk digunakan kepada perkara maksiat seperti memberi pinjam pisau kepada seseorang yang diyakini akan membunuh, atau memberi pinjam barang-barang kemas untuk seseorang yang memakai-makainya untuk menunjuk-nunjuk atau berhias di hadapan bukan mahram. Perbuatan memberi pinjam boleh termasuk perbuatan **makruh** sekiranya tujuan penggunaan adalah untuk perkara-perkara makruh.

Larangan memberikan pinjaman kepada pembuat maksiat berdasarkan firman Allah ﷻ: *"Dan hendaklah kamu bantu-membantu di atas kebaikan dan ketakwaan, dan jangan kamu membantu pada dosa dan permusuhan."* (Al-Maidah 5: 2)



Apakah syarat-syarat

barang yang boleh diberi pinjam?

▶ Untuk memberi pinjam, pemberi pinjam mestilah memastikan barang-barang pinjaman tersebut memenuhi syarat-syarat berikut:

Satu: Manfaat sesuatu barang itu adalah milik pemberi pinjam.

Tidak boleh memberi pinjam sesuatu yang sudah disewakan kerana penggunaan barang tersebut sudah dimiliki oleh penyewa.

Dua: Barang pinjaman hendaklah boleh dimanfaatkan.

Maka tidak sah memberi pinjam barang-barang yang tidak boleh dimanfaatkan seperti kereta yang sudah tidak boleh digunakan atau mesin basuh yang rosak serta tidak boleh dibaiki.

Tiga: Memberi pinjam manfaat yang tidak bertentangan dengan syarak.

Justeru, tidak sah pinjaman barang-barang hiburan, atau barang kemas untuk menunjuk-nunjuk atau berhias di depan bukan mahram.

Mutiara Kata

"Sesungguhnya seorang lelaki itu berharta bila dia zuhud di dunia, dan sesungguhnya seorang itu adalah fakir bila dia gemar pada dunia." (Suffian As-Thauri)

Empat:

Penggunaan sesuatu barang hendaklah tidak mengurangkan barang tersebut.

Oleh itu, tidak sah

meminjam lilin (di bawah konsep *al-'ariyyah*) kerana lilin akan cair apabila digunakannya. Apabila adanya unsur perlupusan, maka kita sepatutnya merujuk kepada kontrak *al-qardh*.



Sekiranya barang-barang rosak,

wajibkah peminjam membayar ganti rugi?

▶ Peminjam barang perlu menggantikan barang pinjaman sekiranya:

Barang tersebut musnah, kerana dia menggunakan barang tersebut untuk dirinya, maka dia perlu menanggung beban menggantinya.

Menggunakan barang pinjaman pada penggunaan yang tidak sepatutnya seperti menggunakan pinggan untuk menceduk pasir, atau menggunakan rumah sebagai bengkel besi. Walaupun begitu, pengguna tidak wajib menggantikan barang sekiranya pudar warna disebabkan oleh penggunaan kebiasaan.

Pengguna masih menggunakan barang pinjaman walaupun pemberinya sudah membatalkan pemberian pinjam. Justeru, sebarang kerosakan selepas itu adalah tanggungjawab pengguna. ﷻ

QA HIGHLIGHT



Juruazlan Nabi ﷺ

Nabi mempunyai empat orang juruazlan.

- Madinah: Bilal bin Rabah dan Abdullah bin Umni Makhtum al-Quraisy.
- Quba' (kota berhampiran Madinah): Saad bin al-Qordh iaitu hamba kepada Ammar.
- Makkah: Abu Mazurah Aus al-Jumahi al-Makki.

(as-Sayyid Dr. Muhammad Alawi al-Maliki al-Hasani al-Makki)

Prof. Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim
Dekan Pusat Peringatan Islam (IP) Universiti Al-Malaya
asmadina@ipmail.com www.duasustinet.com